

PANDUAN UNTUK IBU BAPA

Kepala ibu bapa ,

Pembelajaran MKIDS Bahasa Melayu ini selari dengan kehendak Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mana menekankan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu. Penglibatan ibu bapa adalah perlu dalam memastikan kesinambungan p&p dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

Di dalam MIKIDS Bahasa Melayu dibangunkan dengan menggunakan multimedia yang mana amat membantu kanak-kanak dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Kemudian, ditekankan kemahiran membaca melalui video yang disediakan dan kemahiran menulis dalam lembaran kerja yang disediakan.

Di dalam pembelajaran MIKIDS Bahasa Melayu ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu ;

- 1) Tahap 1 untuk 4 tahun
- 2) Tahap 2 untuk 5 tahun
- 3) Tahap 3 untuk 6 tahun

Di dalam pembelajaran ini ditekankan 4 kemahiran pada kanak-kanak iaitu :

- 1) Kemahiran mendengar**
- 2) Kemahiran bertutur**
- 3) Kemahiran membaca**
- 4) Kemahiran menulis**

Bahan-bahan yang diperlukan :

- Laptop atau komputer atau smartphone
- Lembaran kerja yang sudah dicetak
- Huruf G – abjad foam atau kad imbasan atau
- Alat tulis

Bahagian 1 : Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Pasang video MIKIDS BM Pelajaran 7 yang bertajuk 'Bilik Saya'. Video akan dimainkan secara autoplay.
2. Ibu bapa perlu meneliti terlebih dahulu video tersebut supaya pembelajaran menjadi mudah.
3. Pause video tersebut dan minta anak menyebut perkataan di dalam gambar tersebut.
4. Kemudian, biarkan anak mendengar sekali lagi perkataan lampu, katil, bantal, selimut dan langsir dari video tersebut. Perlahankan suara dan pause video kemudian sebut perkataan dan minta anak tunjukkan gambarnya. Aktiviti ini dilakukan untuk mengenalkan perkataan dengan gambar.
5. Aktiviti ini boleh juga dilakukan di bilik tidur anak, yang mana ibu bapa menunjukkan benda di dalam bilik tidur anak dan minta anak menyebutnya. Lakukan aktiviti ini jika anak sudah boleh menyebut perkataan di dalam video.
6. Jika ada gambar atau kad imbasan, boleh bermain permainan teka gambar dengan anak.



Bahagian 2 : Kemahiran Membaca

1. Di bahagian ini, ada segmen 'Bacaan' yang mana anak perlu mendengar ayat yang dibaca dan pause video serta minta anak baca ayat tersebut.
2. Baca ayat 'Bilik saya kemas. Bilik saya ada bantal, lampu dan katil.' dan minta anak tunjukkan yang mana satu sama ada di dalam video atau di bilik tidur anak.
3. Boleh berehat seketika dan sambung pada masa lain.
4. Sambung atau selepas berhenti seketika, mulakan dengan membaca konsonan 'b' dan suku kata 'kv' iaitu ba, be, bi, bo, bu, be.
5. Kemudian mainkan video bagi perkataan 'baju', 'bola' dan 'belon'. Minta anak menyebut dan mengeja perkataan mengikut suku kata. Bimbing anak bagi aktiviti mengeja. Boleh menggunakan kad imbasan suku kata jika ada.
6. Bagi bahagian 'Bacaan' pula ulang ayat bacaan sehingga anak boleh membaca ayat tersebut dan memahaminya.
7. Ayat 'Tangan saya ada belon dan bola.' boleh dilakukan dengan memberi belon dan bola kepada anak. Selitkan dengan aktiviti dan cerita yang menarik bagi aktiviti ini.



Bahagian 3 : Kemahiran Menulis

1. Aktiviti menulis dilakukan dengan lembaran kerja yang telah dicetak. Jika tiada mesin pencetak, ibu bapa boleh tukarkan file kepada google form dan boleh lakukan pada smartphone sahaja.
2. Bantu anak dalam melakukan aktiviti ini supaya anak lebih yakin.
3. Selitkan pembelajaran dengan aktiviti yang lebih menarik dengan melakukan permainan atau nyanyian bersama dengan anak yang lain. Gunakan kreativiti supaya pembelajaran lebih seronok.
4. Diingatkan kepada ibu bapa, pembelajaran untuk Pelajaran 7 ini tidak perlu dihabiskan dalam satu masa, boleh dilakukan pada waktu yang lain supaya anak tidak bosan.

Peringatan :

1. Jika anak masih belum mahir memegang pensel, latih anak dengan cara memegang pensel yang betul. Galakkan anak menconteng di kertas atau whiteboard jika ada.
2. Jika anak masih belum boleh menulis dengan baik, jangan dipadam tulisannya. Ibu bapa akan nampak perkembangan anak dari sehari ke sehari jika latihan berterusan. Galakkan anak menulis dengan baik.
3. Jika anak masih belum boleh menyebut perkataan dengan baik, bimbing anak dengan ibu bapa menyebut perkataan tersebut dengan betul. Kebanyakan perkataan merupakan benda yang ada di sekeliling kita.
4. Jika anak masih belum boleh membaca, galakkan anak supaya membaca ayat yang ringkas dengan bantuan dari video atau software supaya anak lebih bersemangat untuk membaca.

PANDUAN UNTUK IBU BAPA

Kepala ibu bapa ,

Pembelajaran MKIDS Bahasa Melayu ini selari dengan kehendak Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mana menekankan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu. Penglibatan ibu bapa adalah perlu dalam memastikan kesinambungan p&p dan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid.

Di dalam MIKIDS Bahasa Melayu dibangunkan dengan menggunakan multimedia yang mana amat membantu kanak-kanak dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Kemudian, ditekankan kemahiran membaca melalui video yang disediakan dan kemahiran menulis dalam lembaran kerja yang disediakan.

Di dalam pembelajaran MIKIDS Bahasa Melayu ini dibahagikan kepada tiga tahap iaitu ;

- 1) Tahap 1 untuk 4 tahun
- 2) Tahap 2 untuk 5 tahun
- 3) Tahap 3 untuk 6 tahun

Di dalam pembelajaran ini ditekankan 4 kemahiran pada kanak-kanak iaitu :

- 1) Kemahiran mendengar**
- 2) Kemahiran bertutur**
- 3) Kemahiran membaca**
- 4) Kemahiran menulis**

Bahan-bahan yang diperlukan :

- Laptop atau komputer atau smartphone
- Lembaran kerja yang sudah dicetak
- Huruf G – abjad foam atau kad imbasan atau
- Alat tulis

Bahagian 1 : Kemahiran Mendengar dan Bertutur

1. Pasang video MIKIDS BM Pelajaran 8 yang bertajuk 'Sekolah Saya'. Video akan dimainkan secara autoplay.
2. Ibu bapa perlu meneliti terlebih dahulu video tersebut supaya pembelajaran menjadi mudah.
3. Bagi aktiviti ini yang lebih kepada KBAT iaitu kemahiran berfikir aras tinggi, jadi minta anak bercerita tentang gambar di dalam video tersebut. Tiada betul atau salah bagi aktiviti KBAT, ini merupakan pengalaman atau di fikiran anak.
4. Kemudian, bagi aktiviti 'Bacaan' pula, pasang video dan minta anak menyebut ayat di dalam 'Bacaan'. Di bahagian 'Nama sekolah saya.....' minta anak namakan tadikanya. Di sini ibu bapa boleh mengenal pasti sama ada anak boleh mengingat nama tadikanya.
5. Aktiviti ini boleh juga dilakukan dengan melakonkan watak di tadika, ini dinamakan 'role play' yang mana merupakan aktiviti yang paling digemari anak. Ibu bapa boleh melakonkan watak sebagai guru atau murid. Jadikan aktiviti ini lebih menarik.
6. Jika ada gambar tadika anak, minta anak ceritakan apa yang disukai di tadika. Daripada aktiviti ini ibu bapa juga dapat mengenal pasti jika anak menghadapi masalah di tadika atau tidak.
7. Boleh berehat seketika dan sambung pada masa lain.

Bahagian 2 : Kemahiran Membaca

1. Di bahagian ini, ada segmen 'Konsonan' dan 'Bacaan' yang mana anak perlu mendengar suku kata yang dibaca dan pause video serta minta anak menyebut suku kata tersebut.
2. Mulakan dengan membaca konsonan 'c' dan suku kata 'kv' iaitu ca, ce, ci, co, cu, ce.
3. Kemudian mainkan video bagi perkataan 'cawan', 'cuci' dan 'cerek'. Minta anak menyebut dan mengeja perkataan mengikut suku kata. Bimbing anak bagi aktiviti mengeja. Boleh menggunakan kad imbasan suku kata jika ada.
4. Bagi bahagian 'Bacaan' pula ulang ayat bacaan sehingga anak boleh membaca ayat tersebut dan memahaminya.
5. Ayat 'Emak cuci cawan dan cerek.' boleh dilakukan di dapur sambil mencuci pinggan mangkuk di dalam sinki. Aktiviti ini lebih mudah jika dilakukan dengan aktiviti yang sebenar.



Bahagian 3 : Kemahiran Menulis

1. Aktiviti menulis dilakukan dengan lembaran kerja yang telah dicetak. Jika tiada mesin pencetak, ibu bapa boleh tukarkan file kepada google form dan boleh lakukan pada smartphone sahaja.
2. Bantu anak dalam melakukan aktiviti ini supaya anak lebih yakin.
3. Selitkan pembelajaran dengan aktiviti yang lebih menarik dengan melakukan permainan atau nyanyian bersama dengan anak yang lain. Gunakan kreativiti supaya pembelajaran lebih seronok.
4. Diingatkan kepada ibu bapa, pembelajaran untuk Pelajaran 8 ini tidak perlu dihabiskan dalam satu masa, boleh dilakukan pada waktu yang lain supaya anak tidak bosan.

Peringatan :

1. Jika anak masih belum mahir memegang pensel, latih anak dengan cara memegang pensel yang betul. Galakkan anak menconteng di kertas atau whiteboard jika ada.
2. Jika anak masih belum boleh menulis dengan baik, jangan dipadam tulisannya. Ibu bapa akan nampak perkembangan anak dari sehari ke sehari jika latihan berterusan. Galakkan anak menulis dengan baik.
3. Jika anak masih belum boleh menyebut perkataan dengan baik, bimbing anak dengan ibu bapa menyebut perkataan tersebut dengan betul. Kebanyakan perkataan merupakan benda yang ada di sekeliling kita.
4. Jika anak masih belum boleh membaca, galakkan anak supaya membaca ayat yang ringkas dengan bantuan dari video atau software supaya anak lebih bersemangat untuk membaca.